

28/04/1998

MSN ikut prosedur pilih atlit terbaik

TIADA keraguan harus ditimbulkan dalam soal pemilihan atlit terbaik Sukan Malaysia (Sukma) VII yang ditutup oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam kelmarin.

Sebaliknya, Pengarah Pembangunan Majlis Sukan Negara (MSN), Zaki Abdul Rahman, berkata keputusan itu yang dibuat lima ahli jawatankuasa pemilihan, termasuk dirinya, adalah adil serta mengikut kriteria yang ditetapkan.

Empat lagi ahli jawatankuasa pemilihan termasuk Pengerusi Jawatankuasa Pengelola dan Pelaksana, Ch'ng Toh Eng, dan tiga wakil media massa.

"Kriteria utama pemilihan atlit terbaik kali ini berpandukan kepada prestasi bermutu tinggi yang dicapai seseorang atlit. Dalam hal ini, panel pemilihan sudah membuat penilaian dan bersepakat memutuskan pemenangnya," katanya ketika dihubungi semalam.

Ketika pengumuman dibuat, atlit olahraga Sarawak, Chai Song Lip, dan ratu renang Kuala Lumpur, Ho Hsu Ee, dinobatkan atlit lelaki dan wanita terbaik.

Bagaimanapun, pemilihan Song Lip sebagai atlit terbaik Sukma VII agak mengejutkan dan segala ramalam awal mengenai anugerah ini akan diberikan kepada atlit yang berjaya memecahkan rekod kebangsaan, meleset sama sekali.

Menurut Zaki, pemilihan Song Lip yang memenangi dua emas dalam acara lompat jauh dan lompat kijang dengan memecahkan rekod Sukma dalam kedua-dua acara itu adalah wajar dan bertepatan.

"Walaupun tidak memecahkan rekod kebangsaan, catatan yang dibuat Song Lip dalam acara lompat jauh membolehkan dia menduduki ranking pertama, sekali gus menewaskan Zaki Sadri. Jika dia bertanding bersama Zaki, sudah tentu dia mendapat tempat pertama atau kedua.

"Manakala Allen Ong yang menjadi pilihan ramai jelas gagal mengatasi pencapaian terbaiknya dalam acara 50m (24.02s) yang dilakukan dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Asean di Bangkok biarpun dia mencatat rekod kebangsaan dalam acara itu (24.10s).

"Malah, jika dia memasuki 10 acarapun, kita percaya dia mampu memenangi pingat kerana kurang saingan. Tetapi, jika dibandingkan catatannya di Sukan Sea, dia kemungkinan mendapat tempat ketujuh atau kelapan," katanya.

Sementara itu, Zaki berkata jawatankuasa pemilihan beranggapan kejayaan Hsu Ee memecah rekod kebangsaan dalam acara 50 meter gaya bebas serta kejayaan dalam acara 100m kupu-kupu selain lima perak melayakkannya menerima anugerah atlit wanita terbaik.

(END)